

SPR tidak perlu dirombak – Nazri

Oleh ROSNIZA MOHAMAD

KOTA BHARU 9 Jan. – Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak perlu dirombak atau distruktur semula hanya kerana kritikan-kritikan yang dilemparkan kepada badan itu, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

Beliau berpendapat, pada umumnya SPR yang berusia 50 tahun telah menjalankan tanggungjawab dengan baik dan cuma perlu membaiki segala kelemahannya agar boleh terus berperanan dengan lancar.

Katanya, tindakan sesetengah pihak menegur badan itu sebagai satu langkah kebaikan, namun bagi mengatasi kelemahannya ia tidak perlu dirombak.

“Saya tidak nampak mengapa SPR perlu dirombak. Tidak perlu sama sekali. Bukan kerana ia dikritik hingga perlu dirombak,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan di kawasan hakisan banjir di Pantai Sabak di sini, hari ini.

Nazri mengulas cadangan Pengerusi SPR, Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman yang mahu badan itu distruktur semula manakala undang-undang serta peraturan pilihan raya di bawahnya dirombak secara drastik.

Bagi Ab Rashid, tindakan itu bertujuan menjadikan SPR dan proses pilihan raya yang sering dikritik pelbagai pihak, menjadi lebih telus, adil dan saksama kepada semua parti politik dan rakyat negara ini.

Menurut Nazri, SPR tidak boleh mengangap teguran dan kritikan dilemparkan oleh sesetengah pihak sebagai menyekat kebebasan badan itu menjalankan tanggungjawabnya.

Beliau berkata, menyedari ada pihak yang menganggap SPR tidak bebas dan terikat, namun ia tidak boleh diambil kira ke arah pembentukan satu suruhanjaya bebas seperti disarankan oleh Ab. Rashid.

Katanya, untuk itu beliau perlu mengenal pasti kelemahan dalaman yang ada pada badan itu dan segera memperbaikinya tetapi bukan melihat kelemahan tersebut sebagai ancaman.

Ab. Rashid dalam laporan muka depan *Utusan*

Utm-10/1/2007
san Malaysia hari ini turut mencadangkan satu suruhanjaya bebas dianggotai pakar undang-undang, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan parti politik bagi mengemukakan cadangan penambahbaikan itu.

Nazri berkata, beliau sendiri melihat SPR menjalankan amanah yang diberikan dengan berjaya dan tiada sebab munasabah untuk badan itu menyusun semula strategi mereka.